

BAB II

SISTEM PERBANKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM EKONOMI ISLAM

2.1 PENGENALAN

Pada bab yang kedua ini penulis akan menjelaskan tentang perbankan dalam sistem ekonomi Islam. Di antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan iaitu definisi sistem perbankan, model pelaksanaannya, pengharaman Ribā dalam Islam, sejarah perkembangan sistem perbankan pada zaman awal Islam dan zaman moden, objektif sistem perbankan Islam dan perbezaan antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional dan konsep pembangunan dalam ekonomi Islam.

2.2 MODEL PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM

Model pelaksanaan perbankan Islam di negara-negara Islam terutamanya bagi 57 buah negara yang menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)¹ dibahagikan kepada empat kelompok berikut :²

1. Mempunyai hanya satu sistem perbankan sahaja iaitu sistem perbankan Islam
Ialah tiga negara sahaja Iran, Pakistan dan Sudan.
2. Mempunyai dwi-sistem (*Dual-System*) iaitu sistem perbankan Islam yang beroperasi selari dengan sistem konvensional yang sedia ada. Negara ini ialah Malaysia, Malaysia merupakan negara Islam pertama yang mempunyai sistem perbankan Islam yang komprehensif dan cekap yang beroperasi bersama-sama (*side by side*) dengan sistem perbankan konvensional.
3. Mempunyai sistem “*Konvensional Campur*” (*Conventional Plus System*) iaitu sistem perbankan yang ada pada asasnya adalah sistem konvensional dengan

¹Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dicapai 24 September 2012 http://www.oic-oci.org/member_states.asp

²Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 262.

beberapa buah institusi bank Islam yang beroperasi di pinggiran. Negara-negara ini adalah Arab Saudi, Bahrain, Bangladesh, Brunei, Mesir, Guinea, Indonesia, Jordan, Kuwait, Niger, Qatar, Senegal, Tunisia, Turki dan Arab Emirat.

4. Mempunyai hanya satu sistem konvensional sahaja. Negara-negara ini belum melaksanakan perbankan Islam walaupun negara itu adalah negara Islam atau mempunya penduduk Muslim yang teramai. Negara-negara ini ialah Afghanistan, Albania, Azerbaijan, Benin, Burkina Faso, chad, Cemeroon, Comoros, Djibouti, Gabon, Gambia, Guinea Bissau, Iraq, Kyrgyzsten, Lybia, Lebanon, Mali, Mauritius, Maldives, Nigeria, Oman, Palestin, Maghribi, Sierra, Somalia, Syria, Uganda, Turkmenistan, Yaman, Tajikistan dan Mozambique.

2.3 DEFINISI SISTEM PERBANKAN ISLAM

Perkataan Bank berasal dari bahasa Italia yaitu *Banco* yang bererti kepingan papan yang digunakan sebagai tempat meletakkan buku iaitu sejenis meja. Kemudian berubah semakin luas yaitu sebagai meja tempat menukarkan wang. Aktiviti ini dilakukan oleh para pemberi pinjaman (*Creditor*) dan para penukar wang di Eropah untuk mempamerkan wang mereka kepada pedagang dan orang-orang yang berlayar. Aktiviti ini telah mulai dilakukan pada abad pertengahan dan dari sini lah timbul istilah “Bank”.³

Perbankan Islam dapat didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam. Ia juga dikatakan sebagai setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan Syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh. Al-Najjār mendefinisikan secara umum tentang sistem perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan

³ Irsyad Lubis, *Bank dan Lembaga Keuangan lain* (Perpustakaan Nasional : Katalog Dalam Terbitan (KDT), USU Press, 2010), 1.

menjalankan operasinya dalam lingkungan Syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana itu mengikut landasan Islam.⁴

Perbankan Islam adalah perbankan yang menawarkan produk-produk kewangan yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Konsep dan mekanisme operasi telah berubah daripada konsep pinjam meminjam yang menjadi asas bagi sistem perbankan konvensional kepada konsep jual beli, perkongsian, kerjasama dan sebagainya. Islam sebagai agama yang universal memiliki kitab suci al-Qur'an sebagai sumber nilai utama,⁵ dalam memenuhi prinsip Islam yang diperlembagai oleh al-Qur'an dalam larangan ribā, yang mana ditegaskan dalam al-Qur'an :

﴿ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ... ﴾

Terjemahan : *Allah telah menghalalkan berjual-beli
(berniaga) dan mengharamkan riba*

(al-Baqarah 2:275)

Sistem perbankan Islam adalah sistem penghapusan riba, oleh sebab dunia dewasa ini dikuasai oleh sistem kewangan yang berasaskan riba, maka sistem perbankan Islam memainkan peranan yang sangat penting sebagai satu alternatif bagi umat Islam dalam mengelakkan dari terlibat dalam sistem ribawi.

⁴Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 255.

⁵ Wiyono Slamet, *Cara Mudah Memahami Akuntansi Perbankan Syariah Berdasar PSAK dan PAPS*, (Jakarta : Grasindo, 2002), 18.

2.4 SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PERBANKAN ISLAM

2.4.1 Zaman awal Islam

Walaupun bank-bank Islam baru mulai didirikan pada 1960-an, sebenarnya aktiviti perbankan dimulai sejak zaman Rasulullah lagi. Nabi Muhammad S.A.W sebelum diutus menjadi Rasul telah dikenali sebagai “*al-Amīn*” yang bererti orang yang dipercayai untuk menyimpan segala macam barang titipan (*Deposit*) orang ramai. Sehingga saat terakhir sebelum Rasulullah S.A.W hijrah ke madinah, beliau melantik ‘Ali bin Abī Ṭalib R.A untuk mengembalikan segala deposit itu kepada pemiliknya.

Tindakan Rasulullah tersebut ternyata dikembangkan lebih lanjut sebagai mana dicontohi oleh seorang sahabat iaitu Zubair bin Awwām R.A yang tidak pernah mahu menerima wang dari semua orang dalam bentuk deposit (simpanan). Beliau lebih suka menerimanya dalam bentuk pinjaman. ‘Abd Allāh bin al-Zubair menceritakan bahawa bila ada orang datang membawa wang untuk disimpan pada ayahnya, maka ayahnya takut jika deposit itu akan hilang. Tindakan Zubair ini menunjukkan dua hal yang dapat melihat hikmatnya, pertama, dengan mengambil wang tersebut sebagai pinjaman, beliau ada hak untuk menggunakannya, kedua, jika wang itu dalam bentuk pinjaman, maka Zubair wajib mengembalikannya

Oleh yang demikian, ada dua bentuk amalan simpanan (deposit) yang diterapkan pada masa awal Islam yaitu *Wadī’ah yad amānah* dan *Wadī’ah yad damānah* itu adalah suatu amanah yang menjadi konsep pinjaman sebagaimana yang dicontohi oleh Zubair bin Awwam.⁶

⁶ Zainul Arifin, *Dasar-dasar Manajemen Bank Syariah* (Azkia Publisher, divisi Penerbit kelompok Pustaka alvaber Anggota IKAPI, 2009), 4-5.

Perniagaan yang menggunakan cara *Mudārabah* dan *Musyārahah* juga telah dikenal sejak masa awal Islam, sebagaimana juga perkembangan aktiviti pengiriman wang (seperti kisah Ibn ‘Abbās mengirim wang ke kūfah, dan kisah ‘Abd. Allāh bin al-Zubair mengirim wang dari Makkah kepada adiknya Mis‘ab bin al-Zubair di Irak dan aktiviti Penggunaan Cek (seperti kisah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb R.A ketika mengimport sejumlah besar barang dari mesir ke Madinah dan untuk mempercepatkan distribusi barang-barang tersebut kepada penduduk Madinah, Khalifah mengeluarkan cek untuk penduduk Madinah sebagai bentuk mekanisme pembayaran dari suatu perdangan⁷

Ditinjau pada sejarah Islam, masalah kewangan umumnya dan perbankan Islam khususnya dimulai dengan institusi Baitul Mal yang didirikan oleh Nabi Muhammad S.A.W . dalam negara kotanya Madinah. Semua zakat dikumpulkan ke dalam Baitul Mal dan digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat kota Madinah.⁸

Dalam perkembangan institusi Baitul Mal selanjutnya, kita jumpai tiga macam Baitul Mal yaitu :

1. **Baitul Mal al-khas**, iaitu Bank Negara khusus untuk kepentingan pemerintah di bawah Khalifah sebagai kepala Negara, tugas institusi ini mengurus pendapatan dan pengeluaran negara.⁹
2. **Baitul Mal**, iaitu Bank Negara yang melayani segala keperluan masyarakat baik orang Islam atau bukan Islam (*zimmi*)¹⁰

⁷ *Ibid.*,

⁸ Abdullah Siddik al-haji, *Inti Dasar Hukum Dagang Islam*. Balai Pustaka, Balai Pustaka, 1993), 97.

⁹ *Ibid.*, 97.

¹⁰ *Ibid.*, 98.

3. **Baitul Mal al-Muslimin**, iaitu bank-bank yang didirikan oleh swasta, dalam fungsinya termasuk kesejahteraan semua rakyat negara tanpa mementingkan bangsa, warna kulit dan agama.

Bank-bank ini terdapat di Masjid Agung Negara yang dikelolai oleh ketua Mahkamah Agung di pusat pemerintahan. Dana ini didapati dari

1. Sedekah dan Zakat
2. *Ghanimah* (Rampasan perang)
3. *Fai'* iaitu kharaj (pemungutan pajak dan cukai) dan jizyah (pajak bukan Muslim)¹¹

Di zaman pembukaan wilayah-wilayah baru semakin luas pada masa pemerintahan *Mu'āwiyah* (4 H.) dalam memudahkan urusan pentadbiran negara. Kerajaan ini telah membina *Baitul Māl* di wilayah-wilayah yang sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran. Hasil pendapatan terus bertambah melalui pembukaan wilayah-wilayah, sehingga pada masa 'Umar bin 'Abd. al-Azīz menjadi khalifah (99 H.) pertambahan mencapai paras berlebihan. Khalifah Umar telah mengeluarkan arahan supaya lebih itu diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan.¹²

2.3.2 Sejarah perkembangan sistem perbankan pada zaman moden

Di bawah ini, penulis akan memilih sejarah perkembangan sistem perbankan Islam di beberapa negara yang mempelopori gagasan penubuhan sistem perbankan Islam, seperti berikut ;

¹¹*Ibid.*, 98-99.

¹²Hailani Muji Tahir, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986), 2.

2.3.2.1 Perbankan Islam di Mesir

Sistem perbankan Islam boleh dianggap sebagai model yang dipraktik untuk mengambilalih tanggungjawab dalam pembangunan sosio-ekonomi yang lebih berkesan di negara-negara Islam dengan menggunakan konsep pembangunan dari akar umbi. Oleh itu, ia berbeza daripada mana-mana sistem-sistem kewangan yang lain. Bagi negara Islam yang sedang membangun memerlukan kajian dan menganalisis model ujikaji ini dengan tujuan digunapakai sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan sosio-ekonomi.¹³

Penubuhan sistem perbankan Islam yang dinamakan “*Mit Ghamr Local Saving Bank*” (Bank Simpanan Tempatan) pada 25 Jun 1963 di Mit Ghamr, di pinggir sungai Nil, Mesir¹⁴ oleh al-Najjār yang dapat sambutan dari kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah seperti petani yang ingin menyimpan wang mereka dan tidak terjurus dalam unsur-unsur riba, tetapi juga gagal menerus dalam menjalankan sistem itu kerana masalah dalam politik.

Setelah demikian, seterusnya dalam rangka usaha menubuhkan bank Islam, maka berhasil menubuhkan Bank Islam yang bernama “*Nasser Social Bank*” pada tahun 1971¹⁵ dan seterusnya penubuhan bank Islam yang ditubuhkan secara rasmi ialah “*Faisal Islamic Bank*” yang mula beroperasi pada tahun 1978 dan berjaya mengumpul aset dengan jumlah sekitar USD2 juta, dan tingkat keuntungan

¹³ Ahmed A.El Naggar, *Islamic Banking in Egypt : A Model and The Challenge*”, dalam *Islamic Banking How Far Have We Gone*, ed. Ataul Haq (Research Centre, International Islamic University Malaysia, 2006), 248.

¹⁴ Joni Tamkin bin Borhan, “*Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*”, dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 44. ; Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 256.

¹⁵ Amr Mohamed El Tiby Ahmed, *Islamic Banking: How to Manage Risk and Improve Profitability* (John Wiley & Sons, Hoboken, New Jersey, 2011), 12.

sekitar USD106 juta.¹⁶ Faisal Islamic Bank adalah Bank Islam yang mempunyai cawangan terbanyak di Mesir dan telah berkembang sebagai institusi ekonomi dan sosial yang beroperasi dengan mematuhi hukum Syariah Islam, di mana terdapat permintaan yang besar untuk memasuki saham Bank sehingga peningkatan berturut-turut dalam modal Bank sehingga mencapai USD500 milion sebagai modal dibenarkan terhadap USD297 milion sebagai modal berbayar dan pada tahun 2012 Bank telah menguruskan lebih daripada satu juta lima puluh ribu akaun. Jumlah aset Bank secara keseluruhan mencapai USD6 bilion menjelang akhir tahun 2012.¹⁷

2.3.2.2 Perbankan Islam di Pakistan

Pakistan merupakan salah satu dalam golongan pelopor di bidang perbankan syariah. Pada awal Julai 1979, sistem bunga dihapuskan dari operasi tiga institusi iaitu National Investment (*Unit Trust*), House Building Finance Corporation (pembiayaan sektor perumahan), dan Mutual Funds of the Investment Corporation of Pakistan (pelaburan kerajaan), pada 1979-80, pemerintah mensosialisasikan skim pinjaman tanpa bunga kepada petani dan nelayan.

Pada tahun 1981 kerajaan Pakistan memulakan projek mengubah sektor perbankan dan kewangan di garisan Islam, seiring dengan pelaksananya undang-undang perusahaan *Muḍārabah* dan *Murābahah*, tujuh ribu cawangan bank komersial di seluruh Pakistan mula menggunakan sistem perkongsian untung.¹⁸ Pada 1 Januari 1985, Pakistan telah mulai beralih ke perbankan Islam dan pemerintah berikrar

¹⁶ Syafi’I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 22.

¹⁷ Faisal Islamic Bank, dicapai 20 November 2013, <http://www.faisalbank.com.eg/FIB/arabic/about-us/incorporation-history.html>

¹⁸ Syafi’I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 22.

melarang semua pembayaran bunga cara Barat dalam sistem nasionalnya pada bulan Jun tahun itu.¹⁹ Pada bulan November 1991 Persekutuan mahkamah agung (Federal Shariat Court, FSC) telah mengarahkan kerajaan secara rasmi untuk menerima pakai langkah-langkah yang perlu bagi menghapuskan faedah daripada sistem ekonomi Pakistan pada 30 Jun 1992.²⁰ Langkah-langkah untuk Islamisasi perbankan dan sistem kewangan di Pakistan telah dimulakan pada tahun 1977. Pakistan adalah antara tiga negara pertama di dunia yang telah cuba untuk melaksanakan perbankan tanpa faedah di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini tidak dapat menghasilkan keputusan yang diinginkan disebabkan kekurangan mekanisme pematuhan Syariah dan lain-lain.

Memandangkan pengalaman yang dipelajari dari usaha lebih awal, Perbankan Islam di Pakistan telah dilancarkan semula pada tahun 2001 apabila Kerajaan memutuskan untuk menggalakkan perbankan Islam secara beransur-ansur serasi dengan amalan terbaik antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perbankan Islam telah ditubuhkan di State Bank of Pakistan (SBP) pada 15 September 2003 dengan mandat membangunkan dan mengukuhkan rangka kerja pematuhan Syariah bagi industri perbankan Islam dan mengambil inisiatif untuk mempromosikan perbankan Islam sebagai sistem perbankan yang selari dan serasi dalam talian terbaik amalan antarabangsa.

Sejak pelancaran semula pada tahun 2001, kemajuan industri Perbankan Islam di Pakistan telah besar menghasilkan pertumbuhan lebih daripada 30 peratus pada setiap tahun dari segi aset. Pada masa ini, terdapat lima bank beroperasi secara Islam

¹⁹ Abdullah Siddik al-haji, *Inti Dasar Hukum Dagang Islam*. Balai Pustaka, Balai Pustaka, 1993), 130.

²⁰ M. Mansoor Khan and M. Ishaq Bhatti, *Developments in Islamic Banking The Case of Pakistan* (Palgrave Macmillan Studies in Banking and Financial Institutions, 2008), 158.

sepenuhnya dan empat belas bank konvensional dengan berdiri cawangan perbankan Islam yang beroperasi di negara ini. Pelbagai langkah telah diambil untuk menjadikan industri perbankan Islam di Pakistan alternatif yang berdaya maju dengan perbankan konvensional.²¹

2.3.2.5 Perbankan Islam di Arab Emirat

Perkembangan sistem perbankan Islam di Arab Emirat ini, ia bermula dengan penubuhan bank Islam yang bernama “Dubai Islamic Bank”. Bank ini merupakan salah satu pelopor sistem perbankan Islam yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi berlandaskan Syariah. Ia adalah Bank Islam persendirian yang pertama ditubuhkan dan merupakan syarikat awam berhad yang menawarkan perkhidmatan Bank tradisi selaras dengan undang-undang Islam yang didirikan pada 1 Oktober 1975 dan masih menjalankan aktiviti dan operasinya sehingga sekarang.²² Sejak penubuhan sistem perbankan Islam di UAE, salah satu bank Islam yang berperanan dalam sistem perbankan Islam adalah Abu Dhabi Islamic Bank (ADIB), sebuah institusi perkhidmatan kewangan berperanan penting yang dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kewangan di UAE. Pada tahun 2011 menurut laporan diumumkan oleh Oxford Business Group dengan kerjasama ADIB mendedahkan bahawa sektor perkhidmatan kewangan UAE Islam mewakili 30 peratus daripada industri perbankan Islam global pada tahun 2011

²¹ Pengenalan State Bank of Pakistan, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.sbp.org.pk/departments/ibd.htm>

²² Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 258.; Syaikat Ali, *Islamic Development Banks : Saudi Arabia and Dubai* dalam *Islamic Banking How Far Have We Gone*, ed. Ataul Haq (Research Centre, International Islamic University Malaysia, 2006), 305. ; Zakariya Man (1992), *The Malaysian Experience. Dalam Islamic banking : Islam and the Economic Development of Southeast Asia*, ed. Mohamed Ariff (Papers presented at the Workshop on Islam and the Economic Development of Southeast Asia : Islamic Banking held in Singapore from 24-26 June 1986), 69. ; Ahmed Akgunduz, *Studies in Islamic Economics : Islamic Banking and Development* (Islamitche Universiteit Rotterdam, 2009), 41. ; Dubai Islamic Bank, dicapai 20 Nov 2013, <http://www.dib.ae/about-dib/overview>

dan disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat bagi perkhidmatan kewangan Islam di kalangan segmen pelanggan yang berbeza dalam UAE. Laporan tersebut menunjukkan bahawa bank-bank Islam telah memainkan peranan utama dalam membiayai projek-projek infrastruktur UAE , harta kediaman untuk warga UAE dan pembangunan pasaran modal insan melalui latihan bakat negara. Tirad Mahmoud , Ketua Pegawai Eksekutif Abu Dhabi Islamic Bank, berkata bank-bank Islam di UAE memainkan peranan penting dalam pembangunan industri perbankan Islam global yang kini bernilai lebih USD 1 trilion. Pertumbuhan industri perbankan Islam didorong oleh permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan dan produk-produk Islam dengan jumlah pelanggan yang semakin meningkat, permintaan yang meningkat akibat dari penekanan industri ke atas prinsip-prinsip etika, komitmen dan prinsip ketelusan dan pemakaian prinsip faedah bersama dalam operasi dan transaksi.²³

2.3.2.6 Perbankan Islam di Malaysia.

Institusi kewangan Islam yang pertama di perkenalkan dalam sistem kewangan di Malaysia ialah dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1969.²⁴ Penubuhan lembaga ini adalah berkait rapat dengan penglibatan yang rendah di kalangan masyarakat Islam Malaysia dalam sistem perbankan negara pada masa itu. Oleh kerana keyakinan masyarakat bahawa Islam melarang perniagaan yang berunsurkan riba, hasrat untuk melaksanakan ibadah haji itu mestilah daripada hasil yang halal.²⁵

²³ UAE Islamic Banks Account for 30% of Global Islamic Banking Industry, laman sesawang alBawaba, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.albawaba.com/business/pr/uae-islamic-banks-account-30-global-islamic-banking-industry-409851>

²⁴ Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 325.

²⁵ *Ibid.*,

Ekoran dari kejayaan Penubuhan bank-bank Islam di timur tengah dan beberapa negara seperti UAE, Mesir, Pakistan, dan Iran, menjadi dorongan yang kuat kepada masyarakat Islam Malaysia untuk menyuarakan hasrat kepada kerajaan untuk mengadakan sistem perbankan yang selaras dengan landasan Islam di negara ini.²⁶ Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 telah meluluskan usul meminta Kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menubuhkan sebuah Bank Islam untuk mengumpul dan melaburkan wang umat Islam. Hasrat untuk menubuhkan bank Islam telah di suarakan juga pada peringkat negeri dan oleh kumpulan-kumpulan masyarakat Islam. Usaha untuk menubuhkan bank Islam telah pun dibuat secara berasingan sejak tahun 1980 oleh Lembaga Urusan Tabung Haji, dan orang-orang perorangan. Hasil dari usaha ini kerajaan telah menerima syor Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya langkah bagi menubuhkan bank Islam diselaraskan pada peringkat kebangsaan. Berikut dengan itu pada 30 Julai 1981 kerajaan telah melantik Jawatan Pemandu Kebangsaan Bank Islam dengan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dilantik sebagai urusetia.²⁷

Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan bank Islam yang pertama di Malaysia dan juga di Asia tenggara didirikan yang bermula operasinya pada Julai 1983 dengan sebuah cawangan di Kuala Lumpur dalam rangkaian menambahkan peserta dalam sistem perbankan Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) menggalakkan institusi-institusi perbankan yang sedia wujud itu menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Semua Bank perdagangan, Bank

²⁶*Ibid.*, 327. ; Joni Tamkin bin Borhan, “*Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*”, dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 44.

²⁷Bank Islam Malaysia Berhad “Bank Islam : Penubuhan dan Operasi” (dicetak oleh Usaha C & Sdn. Bhd, 1984)

saudagar dan syarikat kewangan dibenarkan untuk menawarkan skim Perbankan Tanpa Faedah (STPF). SPTF yang pertamanya dilancarkan pada tahun 1993 dan melibatkan tiga buah bank perdagangan tempatan yang terbesar iaitu Malayan Banking Bhd, Bank Bumiputra Malaysia Bhd., United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC Bhd). Pada tahun 1999, boleh dikatakan bahawa semua institusi perbankan telah mendapat kebenaran daripada BNM untuk menawarkan kemudahan perkhidmatan perbankan Islam.²⁸ Pada masa ini, sistem perbankan Islam di Malaysia semakin terus berkembang pesat. Menurut laporan tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) tahun 2010 lebih 50 produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang inovatif disediakan oleh Bank Islam menerusi 113 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara.²⁹ Pada tahun 2012 BIMB Bank Islam kini menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan yang canggih dan inovatif. Bank Islam Malaysia Berhad akan meraikan 30 tahun operasinya di negara ini, yang merupakan bukti kepada kualiti dan kecemerlangan yang berkekalan bagi institusi Perbankan berasaskan syariah yang pertama di Malaysia.³⁰

2.3.2.7 Perbankan Islam di Iran

Pemikiran mengadakan perbankan Islam di Iran bermula sejak Revolusi Islam Iran yang dipimpin oleh Ayatullah Khomeini pada tahun 1979.³¹ Berdasar ketentuan undang-undang yang disetujui pemerintah pada bulan Ogos tahun 1983. Sebelum

²⁸ Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia : Struktur, Perkembangan dan Perubahan* (Edisi kedua, Pearson Malaysia SDN. BHD (4409-W), 2002), 122.

²⁹ Laporan tahunan 2010, laman sesawang *Bank Islam Malaysia Berhad*, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.bankislam.com.my/bm/pages/AnnualReports.aspx?tabs=4> ., 11.

³⁰ Laporan tahunan 2012, laman sesawang *Bank Islam Malaysia Berhad*, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.bankislam.com.my/bm/pages/AnnualReports.aspx?tabs=4> ., 3.

³¹ Sudin Haron, *Islamic Banking System : Concept & Applications* (Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd, 1997), 23. ; Zubair Iqbal, Abbas Mirakhor, *Islamic Banking*. (International Monetary Fund, Washington, D.C. March 1987), 9.

undang-undang tersebut dikeluarkan sebenarnya telah terjadi transaksi sebesar lebih dari 100 juta yang diuhasakan sesuai dengan sistem Syariah.³²

Sistem perbankan di Iran dapat dikelompokkan menjadi dua kelompok besar iaitu perbankan komersial dan institusi pembiayaan khusus. Pada tahun 1983 undang-undang Perbankan Islam Iran telah diluluskan oleh Majlis Islam Iran. Menurut undang-undang ini, bank-bank di Iran hanya boleh terlibat dalam urusanniaga Islam tanpa faedah, kerana kepentingan faedah dianggap sebagai riba dan diharamkan oleh Islam dan kitab suci Al-Quran. Sistem perbankan di Iran berpegang teguh kepada peraturan Islam yang melarang dari pendapatan atau membayar faedah. Oleh itu, bank-bank Iran melaksanakan transaksi perdagangan yang melibatkan pertukaran barangan dan perkhidmatan sebagai balasan untuk berkongsi keuntungan yang. Terdapat lima jenis bank yang beroperasi di Iran iaitu : bank perdagangan milik kerajaan, bank-bank khusus, bank-bank swasta, bank pinjaman tanpa faedah dan bank-bank yang serupa dengannya yang masih beroperasi sehingga sekarang.³³ Menurut Edbiz Consulting yang berpangkalan di London telah mengeluarkan satu kedudukan 10 negara teratas dalam perbankan dan kewangan Islam tahun 2013 di Islamic Finance Country Index (IFCI) mendapati bahawa Iran telah kekal sebagai pasaran nombor satu bagi perbankan dan kewangan Islam, terutamanya kerana perbankan dan kewangan keseluruhan sektor yang beroperasi di bawah undang-undang Syariah.³⁴

³² Syafi’I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 24.

³³ S.Husain Ashraf, Ali Alizadeh Giashi, “Islamic Banking in Iran - Progress and challenges,” *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review* 1, No.2 (October 2011), 33-34.

³⁴ Pakistan as a global leader in Islamic banking and finance, dicapai 13 Dec 2013, <http://tribune.com.pk/story/525855/pakistan-as-a-global-leader-in-islamic-banking-and-finance/>

2.3.2.8 Perbankan Islam di Turki

Sejarah dalam pembangunan sistem perbankan Islam di Turki itu layak menerima penghargaan khas, kerana Turki adalah salah satu negara Islam yang memilih ideologi sekularism.³⁵ Turki juga termasuk negara yang cukup awal memiliki perbankan Syariah. Pada tahun 1984, pemerintah Turki memberikan izin kepada *Dār al-Māl al-Islāmi* (DMI) untuk mendirikan bank yang beroperasi berdasarkan prinsip perkongsian untung. Menurut ketentuan Bank pusat Turki, bank Syariah diaturkan dalam satu bidang kuasa khusus. Setelah DMI berdiri pada bulan Desember 1984 maka didirikan pula Faisal Finance Institution dan mulai beroperasi pada bulan April 1985.³⁶

Justeru itu, Berikutan proses liberalisasi ekonomi Turki pada awal 1980-an, sektor kewangan telah disusun semula yang menjadi inovasi kepada pasaran. Dalam konteks ini, Rumah Kewangan Khas (Special Finance Houses, SFHs), menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang berasaskan prinsip Islam, telah diperkenalkan kepada pasaran kewangan Turki dan memulakan operasi pada tahun 1985. Ini merupakan sistem “Perbankan dwi sistem” di Turki yang berasaskan perbankan konvensional dan perbankan tanpa faedah yang dapat menjalankan operasi mereka sebelah menyebelah. Walaupun pengenalan instrumen kewangan Turki berkaitan dengan masalah politik dan bukan satu langkah yang berasaskan Islam sepenuhnya, akan tetapi mereka telah berjaya menarik dana daripada kumpulan-kumpulan tertentu dalam membangunkan ekonomi Negara mereka.³⁷

³⁵ Sudin Haron, *Islamic Banking System : Concept & Applications* (Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd, 1997), 13.

³⁶ Syafi’I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 24-25.

³⁷ Aduman Okumu, “Interest-Free Banking In Turkey: A Study Of Customer Satisfaction And Bank Selection Criteria,” *Journal of Economic Cooperation* 26, 4 (2005), 53.

Dewasa ini, terdapat beberapa bank Islam yang beroperasi di Turki iaitu Turkiye Finans Katilim Bankasi (TKB), Kuwait Turkish Participation Bank, Albaraka Turk Participation Bank, Bank Asya³⁸ Menurut Osman Akyuz , Setiausaha Agung Turkiye Finans Katilim Bankasi (TKB) dan bekas Pengurus Besar Albaraka Turk Participation Bank, jumlah aset bank penyertaan pada tahun 2010 meningkat sebanyak 25 peratus daripada tahun 2009 yang mencapai USD28.1 billion, deposit meningkat sebanyak 22 peratus mencecah USD21.9 billion, di mana 66 peratus berada dalam mata wang lira Turki dan 34 peratus dalam mata wang asing. Pembiayaan yang diperuntukkan oleh bank-bank penyertaan meningkat sebanyak 25 peratus untuk mencecah USD20.8 billion, jumlah ekuiti pemegang saham meningkat sebanyak 19 peratus mencapai USD3.5 billion, pendapatan bersih meningkat sebanyak 4 peratus mencecah USD491.6 juta dan bilangan cawangan dan beberapa kakitangan bank penyertaan berjumlah 607 dan 12,694 bertambah pada kadar tahun ke tahun sebanyak 8 peratus.³⁹

2.3.2.9 Penubuhan Islamic Development Bank (IDB)

Bank Pembangunan Islam adalah lembaga keuangan internasional yang didirikan tahun mengikut hasrat Pernyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Keuangan Konferensi negara-negara Muslim yang diselenggarakan di Jeddah pada Desember 1973 dan Bank secara rasmi menjalankan aktiviti pada tanggal 20 Oktober 1975.⁴⁰ Islamic Development Bank (IDB) mempunyai ahli yang terdiri dari 56 buah negara. Perkara asas untuk menjadi ahli ialah pasti menjadi anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) terlebih dahulu dan membayar yuran kepada modal Bank dan bersedia

³⁸ List of Islamic Banks in Turkey, dicapai 13 Dec 2013,

<http://www.globalbankingandfinance.com/list-of-islamic-banks-in-turkey/>

³⁹ Islamic Banks in Turkey, dicapai 13 Dec 2013,

http://www.globalislamicfinancemagazine.com/?com=news_list&nid=1540

⁴⁰ Ahmet Akgunduz, *Studies in Islamic Economic (Islamic Banking and Development)* (IUR PRESS : Islamic Universiti Rotterdam, 2009), 43.

untuk menerima apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diputuskan oleh IDB Lembaga Gabenor.⁴¹ Tujuan asas penubuhan IDB adalah untuk mendorong pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial negara-negara anggota dan masyarakat yang terdiri dari anggota OIC sesuai dengan prinsip-prinsip Syariah. Bank ini berfungsi dalam memberikan pinjaman untuk projek-projek dan perusahaan serta memberikan bantuan kepada negara-negara anggota dalam pembangunan ekonomi dan sosial.⁴²

2.5 OBJEKTIF SISTEM PERBANKAN ISLAM

Sistem perbankan Islam merupakan sistem yang digunakan dan diaplikasikan dalam bank Islam menurut prinsip syariah Islam, Oleh sebab kesedaran umat Islam yang mana mereka terpaksa duduk di bawah sistem kewangan yang berasaskan riba, maka para cendekiawan Islam mengusaha menubuh institusi kewangan yang berteraskan Islam seperti bank Islam. Justeru itu, sistem perbankan Islam mempunyai beberapa objektif sebagai berikut :

1. Perbankan Islam didirikan dengan tujuan untuk mengembangkan penerapan prinsip-prinsip Islam, syariah dan tradisinya ke dalam transaksi kewangan dan perbankan, menentang penjanaaan pulangan yang melampau bagi sumber yang sedia ada⁴³ dan prinsip utama itu adalah larangan dari riba dalam pelbagai bentuk transaksi, melakukan kegiatan usaha dalam bentuk yang sah dan memberi zakat kepada golongan yang berhak untuk menerimanya.⁴⁴

⁴¹ Islamic Development Bank, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.isdb.org/irj/portal/anonymous?NavigationTarget=navurl://24de0d5f10da906da85e96ac356b7af0>

⁴² Ahmet Akgunduz, *Studies in Islamic Economic (Islamic Banking and Development)* (IUR PRESS : Islamic Universiti Rotterdam, 2009), 44

⁴³ Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 260

⁴⁴ Zainul Arifin, *Dasar-dasar Manajemen Bank Syariah* (Azkia Publisher, 2009), 3.

2. Perbankan Islam adalah sebagai institusi yang dapat dibezakan dengan sistem perbankan konvensional adalah perkonsian untung, pihak pemberi modal dan peminjam bersama menanggung risiko untung ataupun rugi. Hal ini membuat kekayaan itu tidak hanya beredar dalam satu golongan sahaja yang menjadi penyebaran modal yang juga beerti penyebaran kesempatan usaha.⁴⁵
3. Ada penghapusan bunga atau riba dalam semua bentuk transaksi. yang sedia kita maklum bahawa dunia kewangan sekarang dikuasai oleh sistem yang berasaskan riba.
4. Perbankan Islam bukan hanya terhad kepada pelanggan Islam sahaja, bahkan diberi perkhidmatan kepada siapa sahaja tidak kira bangsa dan agama.
5. Meningkatkan kualiti hidup ummah dengan jalan membuka peluang untuk berusaha yang lebih besar terutama kepada golongan miskin, menuju terciptanya kesendirian usaha.
6. Menciptakan suatu keadilan dalam ekonomi dengan jalan meratakan dalam agihan pendapatan melalui aktiviti investasi, pelaburan, agar memberi peluang kepada pihak yang memerlukan dana.

2.6 PERBEZAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DENGAN SISTEM PERBANKAN KONVENSIONAL

Perbankan Islam menawarkan perkhidmatan perbankan yang berlandaskan syariah. Berdasarkan dari definisi ini, operasi sesebuah bank Islam wajib memenuhi dua syarat iaitu ; a) Mematuhi prinsip Islam sepenuhnya dan b) mematuhi semua keperluan sesebuah bank yang cekap. Bagi mematuhi syarat pertama, setiap bank Islam mempunyai panel penasihat syariah, ini adalah salah satu ciri utama yang

⁴⁵ Afif Muhammad, MA, *Buku Pelajaran Fikih untuk kelas IX Madrasah Tsanawiyah* (Penerbit Grafindo Media Pratama, 2008), 67.

membezakan Bank Islam daripada Bank konvensional.⁴⁶ Beberapa aspek perbezaan di sistem perbankan Islam dan konvensional

a) Aspek keuntungan

Pulangan keuntungan berdasarkan usaha yang sah menurut Islam. Sebagai mana contoh : keuntungan kepada modal asal wang hendaklah berdasarkan pengkongsian untung rugi yang dikongsi bersama (*Profit, Loss Sharing*). Jika sesuatu pihak sahaja yang menanggung kerugian manakal satu pihak lagi tetap mendapat untung, ini adalah ketidakadilan dan nyata sebagai pengamalan riba. Penggunaan riba sebagai keuntungan kepada modal asal wang tidak dibenarkan dalam sistem perbankan tanpa faedah, kerana keuntungan sebegini bukan pulangan yang sah di sisi Syariah. Bagi perbankan konvensional, pulangan adalah berdasarkan kepada keuntungan yang mempunyai pengertian khususnya di dalam aktiviti yang tabungan awam dan secara tidak langsung melibatkan amalan riba.

b) Perhubungan antara pelanggan

Bank Islam adalah pengurus wang yang sebenar bagi pelanggan yang berkongsi segala maklumat dengan mereka. Para pelanggan bank Islam boleh berkongsi semua kesan negatif tanpa sebarang jaminan keuntungan daripada bank. Bagi para pelanggan bank konvensional, hanya terhad kepada hubungan antara pemiutang dan peminjam sahaja. Tidak seperti bank Islam yang pihak bank akan bertindak selaku pengurus projek atau amanah yang berdasarkan kepada perkongsian untung rugi.

c) Prinsip asas

Perbankan Islam ia ditubuhkan berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Prinsip asasnya adalah keadilan dan kesaksamaan serta juga mempertimbangkan soal

⁴⁶Radhiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam* (Univision Press SDN. BHD., 2001), 144.

pahala dan dosa. Tetapi dalam sistem perbankan konvensional, ia merupakan ciptaan, rekaan dari pemikiran manusia dan boleh diubah mengikut keadaan.

d) Kepentingan

Sistem perbankan Islam mempunyai kepentingan yang tidak tertumpu kepada pemilik modal sahaja, tetapi kepada setiap lapisan masyarakat tidak kira kaya dan miskin, yang berlainan dengan sistem perbankan konvensional yang hanya tertumpu kepada pemilik modal sahaja.

Dibawah ini adalah jadual perbezaan diantara bank Islam dan bank konvensional ;

Jadual 2.1 Perbezaan diantara bank Islam dan bank konvensional

Perbankan konvensional	Perbankan Islam
Fungsi dan operasinya di dasarkan sepenuhnya oleh prinsip dan disiplin yang dibuat oleh akal manusia “ <i>Man- mand principels</i> ”	Fungsi dan operasinya dipastikan sedaya mungkin agar menurut kehendak al- Qur’an dan al-Sunnah.
Dalam produk pelaburannya, pelabur dijanjikan dengan kadar faedah tetap. Ia sebenarnya adalah aktiviti pinjam- meminjam dengan riba	Dalam produk pelaburannya, bank Islam mempromosikan sistem perkongsian risiko dan untung di antara pelabur dan pengurus dana pelaburan. Tiada sebarang kadar keuntungan tetap dijanjikan berdasarkan keuntungan sebenar.
Mensasarkan keuntungan tanpa sebarang had batasan agama dan moral	Mensasarkan keuntungan yang menepati disiplin Islam yang terhadap kepada sesuatu yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat sejagat.
Tidak mengendahkan persoalan zakat	Terlibat dalam pembayaran zakat, ia merupakan tanggungjawab sosial yang diberikan oleh bank-bank Islam
Produk pinjaman penggunaanya mengamalkan sistem pemberian pinjam wang kepada pelanggan dengan dikenakan faedah (<i>interest</i>) yang berganda.	Produk penggunaannya menggunakan transaksi jual beli atau sewa aset dan bukan akad pinjaman wang.
Mengenakan tambahan wang penalti yang <i>compounding</i> di atas wang pinjaman sekiranya terdapat kelewatan pembayaran.	Mengenakan wang <i>compensation</i> ke atas kelewatan tetapi tidak dimasukkan di dalam pendapatan bank, sebaliknya disalurkan terus kepada kebajikan.

Kepentingan utama hanyalah menjaga kepentingan bank, tiada sebarang kepentingan untuk memastikan pembangunan ekuiti.	Memberikan penekanan kepada projek yang boleh memberikan manfaat kepada kepentingan masyarakat. Sasaran utama adalah memastikan pembangunan berserta ekuiti.
Pemberian pinjaman oleh bank konvensional adalah mudah, tanpa memerlukan sebarang aset. Konsep mereka, wang boleh melahirkan wang.	Wang tidak boleh melahirkan wang melalui pinjaman. Justeru itu, sebarang pembiayaan mestilah mempunyai aset yang dikenal pasti (<i>underlying asset</i>)
Penilaian besar diberikan kepada kemampuan peminjam untuk membayar pinjaman sahaja, tanpa mempedulikan berkenaan apa berlaku dengan sesuatu projek yang dilakukan pelanggan.	Penilaian besar juga diberikan terhadap potensi atau <i>viability</i> prestasi dan prospek projek yang sedang dibiayai.
Bank mendapat pendapatan melalui kadar tetap faedah (<i>fixed interest</i>) yang dikenakan kepada pelanggan.	Memperoleh pendapatan mengikut konsep kongsi untung dan rugi bersama pelanggan, pihak bank memberi perhatian lebih kepada membiayai perkembangan projek
Hubungan bank dan pelanggan adalah ; pemberi pinjam dan peminjam	Hubungan bank Islam dan pelanggan adalah penjual, pembeli atau rakan kongsi.

Sumber : Zaharuddin Abd. Rahman (2008), Wang, anda dan Islam : halal dan haram kewangan dan perbankan. True Wealth Sdn. Bhd, 70-71.

2.7 PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM

2.7.1 Al-Muḍārabah

Dari segi bahasa *al-Muḍārabah* bermakna berjalan di muka bumi وَهُوَ السَّيْرُ فِي الْأَرْضِ dan pada istilah ialah akad perkongsian dalam keuntungan dari pemilik modal dan pihak pengusaha.⁴⁷ Penduduk bandar *Hijjāz* memanggil akad ini *al-Muqāraḍah* dan *al-Qirāḍ* yang dipanggil oleh ahli penduduk di Iraq, dua perkataan itu mempunyai

⁴⁷ Ahmad al-Syarbasi, *al-Mu'jam al-Iqtisādi al-Islāmi* (Dar al-Jail, 1981), 426. ; Syams al-dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah ma'ānī al-alfāz al-Minhāj* (Berut : Dār al-Ma'rifah, 1998), 2: 399. ; Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawawī : *Minhāj al-Ṭalibīn wa 'Umdah al-Muḍṭīn* (Berut - Dār al-Minhāj), 300.

makna yang sinonim.⁴⁸ berasaskan kepada laporan berkaitan dengan `Uthmān bin` Affān, Khalifah Islam Ketiga yang melaburkan modalnya dalam bentuk akad *al-Muqāradah*. Istilah ini diambil dari kata dasar *qard* yang bererti memotong, kerana dalam akad ini, pelabur mengeluarkan dan memindahkan sebahagian modalnya kepada usahawan atau agen untuk dilaburkan dalam sesuatu pelaburan tertentu yang halal. Ini lah dikatakan peristiwa yang menjadi asal usul istilah *al-Muqāradah* digunakan.⁴⁹ *Al-Qur`ān* menyebut prinsip ini secara umum melalui firman Allah;

* وَأَخْرُوجُ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Terjemahan : dan Yang lainnya orang-orang Yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah...

Surah al-Muzzammil 73:20

Dari ayat tersebut menunjuk bahawa Islam menggalakkan mencari rezeki, Kerana bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah menjadi penguasa bagi pemilik modal iaitu Khadījah R.A untuk perniagaan di Syam.⁵⁰

Prinsip ini adalah akad kerjasama usaha antara pihak pemilik dana (*ṣaḥīb al-māl*) dengan pengelola modal (*Profit and loss Sharing*), prinsip pelaburan yang penting dalam sistem perbankan Islam yang mana prinsip ini pihak bank (*Muḍārib/Pengusaha*) dan pelanggan menanggung untung dan rugi bersama (*Risky Business*).

⁴⁸Hisyām al-KāmilHāmid, *al-`Imtā` bi al-Syarh Matan Abū Syujā` fī al-Fiqh al-Syāfi`i*, Dār al-Manār, Kaheerah, 2011), 256. ; al-Nawawi (676H.), *Majmu` Syarh al-Muhazdhab* (Dār al-Fikr), 358.

⁴⁹Joni Tamkin Bin Borhan, Che Zarrina Sa`ari, "Sumbangan Pemikiran Ibn Rushd (M. 595/1198) dalam Muamalah: Analisis terhadap akad al-Muḍārabah dalam Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqāṣid" *Jurnal Usuluddin*, no. 26 (2007), 138.

⁵⁰ al-Khatīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma`rifah maānīal-alfāz al-Minhāj*, 2 : 399. ; Lihat juga : Muḥammad Syafī`i Antonio, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Gema Insani Press, 2009), 97.

2.7.2 Al-Murābahah

Didefinisikan dalam kitab *Mu'jam al-Iqtisādi*, Murābahah ialah jual beli yang harganya lebih daripada harga asal.⁵¹ Jualan ini pasti dengan syarat bahawa dimaklumkan kepada pembeli harga modal dengan penuh amanah. Sebarang penipuan harga modal akan membawa kepada rosaknya akad jual beli ini.⁵² Masuknya harus bagi menjual barangan dengan memberi tahu harga asal barang tersebut kepada pembeli⁵³ dan ditambahkan keuntungan yang diketahui oleh kedua-dua pihak. Akad ini juga dinamakan *al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syirā'* di mana penjual melakukan pembelian barang setelah ada permintaan dari pembeli. Murābahah dengan pesanan. Dalam Murābahah jenis ini, penjual melakukan pembelian barang setelah ada pesanan dari pembeli. *Murābahah* dengan pesanan dapat bersifat mengikat atau tidak mengikat atau tidak mengikat pembeli untuk membeli barang yang dipesannya kalau bersifat mengikat, bererti pembeli harus membeli barang yang dipesannya dan tidak dapat membatalkan pesannya.⁵⁴

Islam telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba dan juga melarang dari memakan harta orang dengan batil yaitu memperoleh harta dengan cara yang salah serta tidak paksa memaksa dalam proses memperoleh harta itu. Seperti mana yang di sebut dalam al-Qur'an ;

⁵¹ Ahmad al-Syarbāsī (1981), *al-Mu'jam al-Iqtisādi al-Islāmi*, Dār al-Jail, h. 415; Lihat : Zaharuddin Abd. Raḥmān, *Panduan Perbankan Islam : Kontrak & Produk Asas* (Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), 19.

⁵² *Ibid.*,

⁵³ Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣri al-Baghdādi al-Māwardi(450H), *al-Hāwi al-Kabīr fi fiqh Madhhabi al-Imām al-Syāfi'I wa huwa Syarh Mukhtaṣār al-Muzani* (Berut : Dār al-Kutub al-'ilmiyyah), 5.

⁵⁴ al-Nawawi : *Minhāj al-Ṭalibīn wa 'Umdah al-Muḥḥīn* 3. ; Lihat juga : Sri Nurhayati, Wasilah , *Akuntansi Syariah di Indonesia* (Salemba Empat, 2009), 163.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ
رَحِيمًا ﴿١٩﴾

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Surah Ali-‘Imrān 4:29

Dan lagi dalil pengsyariatan jual beli, di mana Islam menggalakkan membuat akad jual beli atau kontrak jual beli, oleh kerana, akad inilah yang jadi tempat perbezaan di antara akad jual beli secara Islam dan yang bukan Islam. Seperti mana firman Allah S.W.T ;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...

Surah al-An’ām 5:1

2.7.3 Bay’ Al-‘ināh

Bay’ al-‘ināh adalah salah satu kontrak yang diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam, ia dapat didefinisikan menurut *al-Rāfi’i* daripada Mazhab *al-Syāfi’i* merujuk kepada : “*Iaitu apabila seseorang menjual satu barangan dengan harga tangguh dan menyerahkan barang tersebut kepada pembeli, kemudian dia (penjual tadi) membeli*

semula sebelum menerima bayaran (daripada hasil jualan pertama) dengan harga yang lebih rendah secara tunai”⁵⁵

Secara ringkasnya jual beli dengan cara *al-Ināh* adalah seseorang membeli suatu barang dengan harga yang tertentu secara ansuran, lalu ia kembali membelinya dengan harga yang kurang dari harga asal secara tunai.⁵⁶ Justeru itu, kaedah *bay’ al-‘Inah* ini banyak dipertikai dalam kalangan ulama, di mana hukum bagi praktis ini dipertikai dan sama sekali tidak diiktiraf oleh majoriti ulama Syariah di peringkat antarabangsa kecuali Brunei dan Malaysia sahaja yang meng iktirafkannya. Ini kerana, Pertama : ia kembali kepada pertikaian berkenaan hukum *Bai’ al-‘Inah*. Kedua : Teknik sebegini teramat jelas satu helah pihak bank untuk meniru kesemua khidmat bank konvensional.⁵⁷

2.7.4 Bay’ bithaman al-Ājil

Bay’ Bi al-thaman Al-ājil (الْبَيْعُ بِالْتَمَنِّ الْأَجِلِ) (BBA) atau dikenal juga dengan istilah “*Bay’ bi al-taqṣit*” (الْبَيْعُ بِالتَّقْصِيطِ). Menurut dari segi bahasa merupakan perkataan dari bahasa arab iaitu “*al-bay*” yang bermaksud jual beli perkataan “*al-ājil*” yang bermaksud tangguh, perkataan “*bi al-thaman*” bermaksud dengan harga, maka perkataan “*bay’ bithaman al-ājil*” memberi maksud jual beli dengan harga bertangguh.⁵⁸

⁵⁵ Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Ali bin Abd. Al-Khāliq, al-Minhāji al-Asyūṭi (880), *Jauharah al-Uqūd wa Muaiyyin al-Quḍati wa al-Mūqi‘in wa al-Syuhūd*. Tahqiq oleh Mus‘id Abd. Al-Ḥamīd Muḥammad al-Sa’dani (Berut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah), 61. ; Lihat juga : Zaharuddin Abd.Rahman (2009), 26.

⁵⁶ Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf al-Nawawi (676H.), *Rauḍah al-Ṭalibīn wa ‘umdaḥ al-Muḥīn* (Berut : al-Maktabah al-Islāmī), 418.

⁵⁷ *Ibid.*, 32.

⁵⁸ Ali Aḥmad al-Sālūs, *Mausū‘ah al-Qadāyā al-Fiqhiyyah al-Mu‘āṣirah wa al-Iqtisādi al-Islāmi*, ed. Ke 7 (Dār al-Qur‘ān, 2002), 438. ; Norazlina Abd. Wahab, *al-Bay’ Bithaman Ajil : Suatu Alternatif Kepada Pinjaman Berasaskan Riba*. Dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 90.

Dalam proses akad ini yang sah pada syarak, menurut persidangan muktamar di Jeddah pada 20 March 1990 bahawa transaksi jualan secara ansuran ini, adalah harus tambahan harga dari harga asal dengan sebab tangguhan bayaran dan jika berlaku kesamaran dalam transaksi tersebut, maka akad itu tidak sah pada syarak.⁵⁹Prinsip ini banyak memberi manfaat kepada mereka yang berpendapatan rendah, supaya mereka dapat membeli barang keperluan secara bayaran ansuran, prinsip ini juga diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam.

2.7.5 Bay' Al-Salam

Bay' al-Salam itu ada menjual sesuatu barang yang tidak dilihat zatnya, hanya ditentukan dengan sifat barang itu ada dalam pengakuan atau tanggungan si penjual.⁶⁰ Contohnya si penjual berkata : “Saya jual kepada kamu sebuah kereta baru jenama Honda Civic, 2000cc, warna kuning, empat pintu, dengan harga RM20,000” lalu kata pembeli, “*saya beli kereta dengan sifat-sifat itu dengan harga RM20,000.*” kemudian dia membayar wangnya pada waktu akad itu tetapi kereta itu belum ada. Jadi *Salam* ini bermakna jual beli hutang dari pihak si penjual dan tunai dari pihak pembeli, sebab wangnya sudah dibayar.⁶¹ Rukun jual salam ada tiga rukun iaitu :

1. Penjual dan Pembeli
2. Barang dan wang
3. Lafaz akad

Allah berfirman :

⁵⁹ Ali Ahmad al-Sālūs, *Mausū'ah al-Qadāyā al-Fiqhiyyah al-Mu'āshirah wa al-Iqtisādi al-Islāmi*, ed. Ke 7 (Dār al-Qur'ān, 2002), 605

⁶⁰ Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf al-Nawawi (676H.), *Rauḍah al-Ṭalibīn wa 'umdaḥ al-Muflīn* (Berut : al-Maktabah al-Islāmī), 242.

⁶¹ Ahmad al-Syarbasi, *al-Mu'jam al-Iqtisādi al-Islāmi* (Dar al-Jail, 1981), 426. ; Syams al-dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah maānī al-alfāz al-Minhāj* (Berut : Dār al-Ma'rifah, 1998), 2: 133. ; Lihat juga : Haron Din, *Islam : Agama Bisnes & Pengurusan* (PTS MILLENNIA SDN.BHD, 2007), 19.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

...

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya)...

Surah al-Baqarah 2:282

Dari sebuah hadith Ibn ‘Abbas yang dibenarkan jual salam, dengan syarat pasti menjelaskan kadar sifat barang dan masa tertentu. Seperti riwayat hadith seperti berikut :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ : قَدَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يَسْلِفُونَ فِي الثَّمَارِ السَّنَةَ وَالسَّنَتَيْنِ ، فَقَالَ : { مَنْ أَسْلَفَ فَلْيَسْلِفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مَعْلُومٍ } رواه الجماعة وهو حجة في السلم في منقطع الجنس حالة العقد

Terjemahan : “barang siapa menjual kurma secara salam, maka hendaknya dia menjualnya dalam takaran yang jelas, timbangan yang jelas dan jangka waktu yang jelas”⁶²

Dalam menyempurnakan penjualan secara salam pasti memenuhi syarat-syarat sah kontrak salam seperti berikut : ⁶³

1. Wang harga perlu dibayar pada majlis akad
2. Barangnya dapat diserahkan pada masa perjanjiannya tiba,
3. Barangnya menjadi hutang ke atas penjual
4. Barang itu jelas ukurannya, baik dengan sukatan timbangan ukuran ataupun bilangan
5. Dimaklum dan disebutkan sifat barangnya dengan satu persatu
6. Disebutkan tempat menerimanya.

⁶² Muḥammad bin ‘Alī al-Syaukāni, *Nail al-Auṭār*, ed. Ke -5 (Dār al-Ḥadīth, 1993), 268. ; Syams al-Dīn al-Khaṭīb al-Syarbīnī, 2:134.

⁶³ *Ibid.*, 20.

2.7.6 Al-Ijārah

Perkataan *Al-Ijārah* dalam bahasa arab diberi erti upah, sewa, jasa. *al-Ijārah* merupakan salah satu bentuk kegiatan muamalah dalam memenuhi keperluan hidup manusia seperti sewa-menyewa, kontrak dan lain-lain. Bererti jual beli manfaat, jual beli manfaat yang tertentu dengan imbalan tertentu⁶⁴

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَكَاتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ ...^ط

Terjemahan : dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya

Surah al-Talaq 65 :6

Dan satu ayat lagi yang berkaitan dengan al-Ijarah ;

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْتِيَنَّكَ أُسْتَجْرُهُ^ط إِنَّ خَيْرَ مَنْ أُسْتَجْرَتِ الْقَوِيُّ
الْأَمِينُ

Terjemahan : Salah seorang di antara perempuan Yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambila Dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang Yang ayah ambil bekerja ialah orang Yang Kuat, lagi amanah"

Surah al-Qasas 28:26

⁶⁴ Ahmad al-syarbāsi (1981), 17. ; Syams al-Dīn al-Khatīb al-Syarbīnī, 2:427. ; Lihat juga : Nasrun Haroen, *Fiqh Muamalah*, (Jakarta : Gaya Media Pratama, 2000), 228

Di atas menunjuk bahawa perkataan الأجرُ yang diberikan maknanya iaitu “upahan” atau “sewa” dapat difaham bahawa dibenar sewa, dengan membayar kepada pemilik harta atas pengambilan manfaat dari harta tersebut.

2.7.7 al-Qard al-Ḥasan

Menurut perkata *al-Qard al-Ḥasan* dari sudut bahasa maknanya potongan yang baik⁶⁵. Dari segi istilah diberi maksud memberi milik sesuatu yang akan dipulangkan perkara tersebut.⁶⁶ Merujuk kepada *al-Qard al-Ḥasan* yaitu pinjaman tanpa faedah yang diberikan untuk digunakan kerana tujuan kebaikan. Ia tidak dikehendaki dibayar apa-apa yuran. Namun peminjam boleh memberi hadiah sagur hati (Hibah) kepada pemberi pinjam tanda penghargaan dan terima kasih.⁶⁷

Dari sudut syarak ditakrif dengan pelbagai takrif menurut mazhab, tetapi kesemua itu diberi maksud yang sama yang dibuat kesimpulan iaitu pinjaman yang diberikan kepada peminjam kerana Allah untuk membantunya dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.⁶⁸

Sehubungan dengan itu, tentang memberi pinjaman kebanjikan ini, telah disebut dalam al-Qur’ān yang menggalakkan membuat perkara yang baik tersebut. Allah S.W.T telah menegaskan dalam al-Qur’ān :

⁶⁵ Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin Abī al-Khair bin Sālim al-‘Imrānī al-Yamānī al-Syāfi’ī (558H), *al-Bayān fi Madhhab al-Imām al-Syāfi’ī*, ed. Qāsim Muḥammad al-Nūrī (Jeddah- Dār al-Minhāj), 181. ; Lihat juga : Osman Sabran, *Urus Niaga Al-Qard Al-Ḥasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* (Skudai : UTM, 2001), 59.

⁶⁶ Syamsuddīn Ḳhaṭīb al-Syarbīnī (t.t), 2:117. ; Ahmad al-syarbāsi (1981), 356. ; Waḥbah al-Zuhaili (1985), *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuh* (Damsyik :Dār al-Fikr, 1985), 4:720.

⁶⁷ Waḥbah al-Zuhaili (1985), 4:356. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 282. ; Nor Muhammad Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia* (Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 93.

⁶⁸ Osman Sabran, *Urus Niaga Al-Qard Al-Ḥasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* (Skudai : UTM, 2001), 60.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَرْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ

وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan Beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Surah al-Haj 22:77

2.7.8 al-Wakālah

al-Wakalah adalah yang bermaksud di segi terminologi ialah memberi kuasa kepada seseorang. Dari segi istilah ialah membuat perjanjian melantik seorang wakil dan orang yang diwakil itu diberi kuasa untuk melaksanakan sesuatu kerja atau tugas untuk menjaga dengan memenuhi syarat tertentu.⁶⁹

Telah disebut dalam al-Qur'an tentang perwakilan tentang kewangan yang telah sepakat dalam seseorang untuk menguruskan sesuatu, seperti ayat dibawah :

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَىٰ

طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا



Terjemahan : Utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah Dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan Yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia

⁶⁹ Abū Bakr bin Muḥammad bin ‘Abd. Al-Mu’min bin Ḥazīz bin Mu’alla bin al-Ḥusain al-Ḥaṣani, Taqiy al-Dīn al-Syāfi‘i, *Kifāyah al-Akhyār fī hal Ghāyah al-Ikhtīṣar*. Tahqiq oleh ‘Ali Abd. al-Ḥamīd Balṭaji dan Muḥammad Wahbi Sulaimān (Damsyik :Dār al-Khair, 1994), 271.

berlemah-lembut Dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah Dia melakukan sesuatu Yang menyebabkan sesiapaapun menyedari akan hal kamu.

Surah al-Kafi 18:19

Dan juga disebutkan tentang perwakilan Nabi S.A.W kepada Jabir untuk mengambil wang dari wakilnya di Khaibar

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّهُ سَمِعَهُ يُحَدِّثُ، قَالَ: أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلْتُهُ عَلَيْهِ وَقُلْتُ: إِنِّي أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ فَقَالَ: «إِذَا أَتَيْتَ وَكَيْلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسَقًا⁷⁰

Terjemahan : Dari Jabir ra berkata, aku keluar hendak pergi ke Khaibar, lalu aku datang kepada Rasulullah saw., aku katakan kepada Beliau, “Sungguh aku ingin keluar ke Khaibar”. Lalu Beliau bersabda, "Bila engkau datang pada wakilku di Khaibar, maka ambillah darinya 15 wasaq.

Hadith diatas menunjuk bahawa di dalam kehidupan sehari-hari Rasulullah mewakilkan kepada orang lain dalam menanggapi berbagai urusan. Membayar hutang, mewakilkan penetapan had dan pembayarannya, mewakilkan penanganan unta dan lain-lain sebagainya yang merupakan contoh konkrit diakuinya *al-Wakālah* di masa Nabi.

2.7.9 al-Wadī‘ah

Perkataan *al-Wadī‘ah* yang mempunyai maksud barang yang di beri simpan pada orang lain untuk menjaga barang tersebut⁷¹, demi memelihara daripada berlaku kerosakan dan kehilangan atau sebagainya.⁷² Seperti mana petikan dari al-Qur’ān

⁷⁰ Ahmad bin al-Ḥusain bin ‘Ali bin Mūsa al-Khuraījidi al-Khurasāni Abū Bakr al-Baihaqi, *al-Sunan al-Saghīr li al-Baihaqi*, “*Bāb al-Wakālah*”. No. ḥadīth 2107. (Pakistan : Jāmiyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, 1989), 2:308.

⁷¹ al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t), 3:104.

⁷² Ahmad al-Syarbāsī (1981), 476.; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 268.

yang mempunyai maksud tempat simpanan. Iaitu kalimah مُسْتَوْدَعٌ seperti yang disebut dalam dalam al-Qur'an :

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ وَمُسْتَوْدَعٌ قَدْ فَصَّلْنَا
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾

Terjemahan : dan Dia lah Yang mencipta kamu dari diri Yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau Dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang Yang mengerti (secara mendalam).

Surah al-An'am 6:98

Dan lagi ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan akad *al-Wadi'ah* yang mana akad *al-Wadi'ah* itu tergantung atas amanah dan tanggungjawab, iaitu firman Allah S.W.T

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Terjemahan : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan Segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Surah al-Nisa' 5:58

Menurut ayat di atas menunjuk bahawa amanah itu penting. Barang yang diberi amanah untuk menjaga, dan jika berlaku kehilangan atau kerosakan, wajib atas orang

yang berpegang amanah atau yang menerima simpanan itu kembalikan apa yang disimpan oleh penyimpan.⁷³

Jenis akad al-Wadī‘ah⁷⁴

- i. *Al-Wadī‘ah Yad Damānah – al-Wadī‘ah* di bawah konsep *Damānah* ini, penerima simpanan dapat memanfaatkan wang simpanan tersebut dengan izin pemiliknya dan menjamin untuk dikembalikan simpanan tersebut bila-bila masa yang dikehendaki oleh pemiliknya.
- ii. *Al-Wadī‘ah Yad Amānah – al-Wadī‘ah* di bawah konsep ini, di mana yang menerima simpanan tidak bertanggungjawab atas kehilangan dan kerosakan yang terjadi pada simpanan tersebut, selama mana kejadian itu bukan akibat dari kelalaian atau kecuaiannya penerima simpanan dalam memelihara simpanan tersebut.

2.7.10 al-Rahn

Al-Rahn atau pajak gadai mempunyai makna dari sudut bahasa ialah tetap dan kekal⁷⁵ setengah dari ulama ada yang mengatakan ialah *al-Habs* yaitu tertahan. Sedangkan dari sudut istilah iaitu menjadikan suatu benda yang mempunyai nilai harta dalam pandangan syarak untuk kepercayaan suatu hutang, sehingga memungkinkan mengambil seluruh atau sebahagian hutang dari benda itu.⁷⁶

Justeru itu, *al-Rahn* atau pajak gadai dibenar dalam Islam, yang mana telah disebut dalam al-Qur’an, firman Allah S.W.T :

⁷³ ‘Isā ‘Abduh (1976), *al-‘Uqūd al-Syar‘iyyah al-Ḥākimah li al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah al-Mu‘āsirah* (Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah: Dār al-‘Itiṣām, 1976), 115.

⁷⁴ Abū Abd. Allāh Muḥammad bin Idrīs bin al-‘Abbās bin ‘Usmān bin Syāfi‘ bin Abd. Al-Muṭṭalib bin Abd. Manāf al-Maṭlabi al-Qurasyi al-Makki al-Syafi‘ī, *al-Umm*. (Berut :Dār al-Ma‘rifah, t.t), 142. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 268.

⁷⁵ Aḥmad al-Syarbāsī (1981), 201.

⁷⁶ Abū al-Ḥasan ‘Ali bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣari al-Baghdādi al-Māwardi (t.t), *al-Ḥāwī al-Kabīr fī fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi‘i wa huwa Syarh Mukhtaṣar al-Muzani* (Bairut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 6: 4.

❖ وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَيْنْ مَقْبُوضَةً ۖ فَإِنْ أَمِنَ
بَعْضُكُمْ بِعَضَا فَلَیُؤَدِّ الَّذِیْ أَوْثَمِنَ أَمْنَتَهُ ۖ وَلِیَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ... ۝

Terjemahan : dan jika kamu berada Dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang Yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang Yang memberi hutang). kemudian kalau Yang memberi hutang percaya kepada Yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) Yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang Yang diamanahkan kepadaNya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya...

Surah al-Baqarah 2:283

Menurut ayat di atas, adalah menjadi dasar hukum memperbolehkan gadaian, jika berlaku muamalat tidak secara tunai. Dan dari sejarah hidup Rasulullah S.A.W pernah membuat transaksi dengan seorang yahudi dengan menjadikan baju besinya sebagai jaminan, Seperti hadith :

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: وَلَقَدْ رَهَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَهُ بِشَعِيرٍ...⁷⁷

Maksudnya : Di riwayat dari Anas R.A berkata : Sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah menggadaikan baju besinya dengan gandum...

Berdasar kepada dua sumber hukum tersebut para ulama sebahagian jumur telah bersepakat bahawa *al-Rahn* itu merupakan transaksi yang diharuskan dalam Islam, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa Gadaian adalah perjanjian antara penggadai dan pihak yang menerima gadaian di mana penggadai mengemukakan sesuatu barang yang berharga sebagai cagar atau sandaran kepada pihak yang menerima gadaian untuk meyakinkan bahawa haknya dalam sesuatu hutang atau pinjaman yang diberikan akan hilang sekiranya pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskan

⁷⁷ Muhammad bin Ismā'il Abū 'Abdullāh al-Bukhārī al-Ja'fiy (t.t), *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣahīh al-Mukhtaṣar min 'umūri Rasūlillāh Ṣallālah 'alaihi wa sallam wa sunananihi wa aiyāmihi, Ṣahīh al-Bukhārī, Bāb al-Rahn fī al-Ḥaḍar*, No. Ḥadīth. 2508. (Dār Ṭuq al-Najāt),3 :142.

hutang itu. Jika sekiranya pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskan hutangnya seperti yang dipersetujui, pihak yang menerima gadaian akan menjual barang gadaian tersebut dan harganya diambil sekadar jumlah yang belum jelas dan bakinya dikembalikan kepada penggadai.⁷⁸

2.7.11 Al-Kafālah

Al-kafālah berasal dari kata كَفَلَ (menanggung) merupakan jaminan yang diberikan oleh penanggung (كافل) kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajiban pihak kedua atau yang ditanggung.⁷⁹ Dasar hukum untuk akad *kafālah* ini dapat dilihat di dalam al-Qur'an, sebagai berikut :

قَالُوا نَفَقْدُ صَوَاعَ الْمَلِكِ وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٨﴾

Terjemahan : orang-orang menteri menjawab: "Kami kehilangan cupak raja. dan sesiapa Yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan Akulah Yang menjamin pemberian itu".

Surah Yusuf 2:283

Dan dalil dari sunnah yang menunjukkan bahawa diperbolehkan al-Kafālah itu sebagai berikut :

عَنْ سَلْمَةَ بِنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذْ أَتَى بِجَنَازَةٍ، فَقَالُوا: صَلِّ عَلَيْهَا، فَقَالَ: «هَلْ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟»، قَالُوا: لَا، قَالَ: «فَهَلْ تَرَكَ شَيْئًا؟»، قَالُوا: لَا، فَصَلَّى عَلَيْهِ، ثُمَّ أَتَى بِجَنَازَةٍ أُخْرَى، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، صَلِّ عَلَيْهَا، قَالَ: «هَلْ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟» قِيلَ: نَعَمْ، قَالَ: «فَهَلْ تَرَكَ شَيْئًا؟»، قَالُوا: ثَلَاثَةٌ دَنَانِيرَ، فَصَلَّى عَلَيْهَا، ثُمَّ أَتَى بِالثَّلَاثَةِ، فَقَالُوا: صَلِّ عَلَيْهَا، قَالَ: «هَلْ تَرَكَ شَيْئًا؟»، قَالُوا: لَا، قَالَ: «فَهَلْ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟»، قَالُوا: ثَلَاثَةٌ دَنَانِيرَ، قَالَ: «صَلُّوا عَلَيَّ صَاحِبِكُمْ»، قَالَ أَبُو قَتَادَةَ صَلَّى عَلَيْهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَعَلَيَّ دَيْنُهُ، فَصَلَّى عَلَيْهِ⁸⁰

⁷⁸ Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*. Purnama Kuala Lumpur, (1989), 13-14.

⁷⁹ Ahmad al-syarbāsi (1981), 386. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 283.

⁸⁰ Muḥammad bin Ismāil Abū ‘Abdullāh al-Bukhārī al-Ja’fīy (t.t), 3: 93.

Dari Salamah bin Al Akwa' R. A, beliau berkata : Kami duduk di sisi Nabi S.A.W, lalu didatangkanlah satu jenazah, lalu beliau bertanya, “Adakah dia memiliki hutang?” Mereka (para sahabat) menjawab, “Tidak ada.” lalu beliau mengatakan, “Adakah dia meninggalkan sesuatu?” Lantas mereka (para sahabat) menjawab, “Tidak.” lalu beliau S.A.W sembahyang di atas jenazah tersebut. Kemudian didatangkanlah jenazah lainnya, lalu para sahabat berkata, “Wahai Rasulullah solatkanlah dia!”

Lalu beliau bertanya, “Adakah dia memiliki hutang?” Mereka (para sahabat) menjawab, “ya” Lalu beliau mengatakan, “Adakah dia meninggalkan sesuatu?” Lantas mereka (para sahabat) menjawab, “Ada” sebanyak 3 dinar.” lalu beliau sembahyang diatas jenazah tersebut. Kemudian didatangkan lagi jenazah ketiga, lalu para sahabat berkata, “Solatkanlah dia!” Beliau bertanya, “Adakah dia meninggalkan sesuatu?” Mereka (para sahabat) menjawab, “Tidak ada” lalu beliau bertanya, “Adakah dia memiliki hutang?.” Mereka menjawab, “Ada tiga dinar.” Beliau berkata, “Solatkanlah sahabat kalian ini.” Lantas Abu Qatadah berkata, “Wahai Rasulullah, solatkanlah dia. Biar aku sahaja yang menanggung hutangnya.” Kemudian beliau pun sembahyang di atas jenazah tersebut.

Oleh yang demikian, kedua-dua sumber telah bersepakat ulama diperbolehkan akad *al-kafālah* ini. Namun konsep *al-Kafālah* yang digunakan pada masa kini ialah Jaminan Hutang atau Pelaksanaan Kerja adalah perjanjian antara penjamin dan pihak yang menerima jaminan di mana penjamin menerima tanggungjawab untuk menjelaskan hutang atau membayar ganti rugi jika sekiranya pihak yang berhutang

atau berjanji untuk melaksanakan sesuatu kerja itu gagal untuk menunaikan tanggungjawabnya.⁸¹

2.8 KONSEP PEMBANGUNAN DALAM EKONOMI ISLAM

2.8.1 Pengertian pembangunan ekonomi

Pembangunan adalah suatu usaha atau kegiatan untuk memajukan dan mengembangkan. Dalam pembangunan ekonomi (*Development of Economic*), ialah usaha-usaha untuk menaikkan taraf hidup sesuatu bangsa, yang sering diukur dengan pendapatan per kapita, atau suatu proses peralihan dari tingkat ekonomi yang sederhana menuju ke tingkat ekonomi yang lebih maju, atau dalam ertikata lain ekonomi pembangunan adalah satu cabang disiplin ekonomi yang memberikan perhatian khusus kepada negara membangun. Disiplin ini bertujuan menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh negara ini dan mengenal pasti masalah tersebut supaya usaha membangunkan ekonominya dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi.⁸²

Jika kita lihat pada isu pembangunan ekonomi mula timbul selepas Perang Dunia Kedua, sebelum perang, kebanyakan negara membangun masih dijajah. Negara-negara penjajah tidak mempedulikan soal pembangunan di tanah jajahan mereka kerana motif utama penjajah adalah mengaut hasil keuntungan untuk negara mereka sendiri, negara-negara yang dijajah hanya berfungsi sebagai pembekal bahan mentah dan pasaran untuk keluaran industri negara penjajah. Pemimpin-

⁸¹Bank Islam Malaysia Berhad, 14.

⁸² AB. Razak Dan, *Kajian Ekonomi Pembangunan*, dalam *Teori Pertubuhan dan Pembangunan Ekonomi* ed al., Nor Aini Haji Idris dan Ab. Razak Dan, (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004), 19.

pemimpin di negara membangun pada masa itu lebih menumpukan kepada soal-soal kemerdekaan daripada soal-soal pembangunan ekonomi.⁸³

Pembangunan ekonomi dalam Islam boleh didefinisikan sebagai perbaikan yang seimbang dan kekal dalam kesejahteraan manusia dari segi kebendaan, akan tetapi matlamat ini bukannya semata-mata matlamat dalam pembangunan dalam Islam. Islam tidak menghalang pembangunan kebendaan, tetapi pembangunan itu perlu berjalan selaras dengan ajaran Islam. Dalam keadaan itu, pembangunan lain yang tidak kurang pentingnya iaitu pembangunan membina masyarakat yang memiliki akhlak kehidupan yang terpuji perlu diambil beratkan.⁸⁴

2.8.2 Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam

Islam merupakan agama yang merakumi semua aspek dalam kehidupan seharian umatnya,⁸⁵ yang mana dijelaskan dalam Al-Qur'an tentang kesempurnaan Islam :

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَمَّمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا ...

Terjemahan : Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu

Surah al-Māidah 5:3

Oleh yang demikian, kesempurnaan itu adalah merangkumi setiap dari aspek sosial, undang-undang dan ekonomi,⁸⁶ di mana ekonomi yang berteraskan Islam yang

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Yusoff, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu pembangunan* (Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2003), 106. ; Lihat juga : Abdulhasan Muhamad Sadeq, *Economic Development in Islam*. Rohani Sulaiman (terj.), *Pembangunan Ekonomi dalam Islam* (Utusan Publications & distributors Sdn Bhd, 2003), 2.

⁸⁵ Muḥammad Rāmiz ‘Abd.Fattāh al-Uzīzī, *Mabādi’ al-Nizām al-Iqtisādī fi al-Islāmi wa Mumaiyyizātuh* (Amman : Dār Juhainah, 2003), 12.

⁸⁶ *Ibid.*,

menuju kesejahteraan didunia dan akhirat. Pada dasarnya berjalan di atas prinsip “*al-Falāḥ*” iaitu kesejahteraan kepuasan fizikal, mental dan kejayaan didunia dan akhirat.⁸⁷ Islam juga mempunyai peraturan hidup yang paling lengkap, dalam meletakkan dasar-dasar ekonomi Islam diperlukan amalan dasar secara bersamaan untuk menunjukkan kesatuan sebagai satu keadaan yang tidak dapat dihindarkan.⁸⁸

Dalam cara hidup untuk memenuhi keperluan di dunia, Islam menuntut setiap individu harus berkerja keras untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia ini. Seperti mana Allah S.W.T menegaskan dalam Al-Qur’ān al-Karīm :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ...

Terjemahan : Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri).

Surah Ar-Ra’du 13:11

Dari ayat tersebut mejelaskan bahawa Allah S.W.T tidak merubahkan nasib seseorang melainkan dia merubahkan nasib mereka sendiri. Ini bermakna Islam tidak melarang manusia dari mencari kekayaan didunia ini, namun kekayaan itu perlu berada atas dasar pertengahan tidak melampauai batasan Syariah.

Prinsip pembangunan Islam, menjadikan al-Qur’ān dan Sunnah Nabi Muḥammad S.A.W adalah sumber utama. Prinsip pembangunan Islam yang

⁸⁷ Pusat Pengkajian dan pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta atas Kerja Sama dengan Bank Indonesia, *Ekonomi Islam* (PT Raja Grafindo Persada, Jakarta, 2008), 2.

⁸⁸ Mahmud Abu Saud, *Garis-garis Besar Ekonomi Islam* (Gema Insani Press: Penerbit buku andalan, Jakarta, 1996), 17.

mengandung falsafah paling asas dalam Islam terdiri dari 3 pokok iaitu : Falsafah Tauhid, Falsafah Khalifah, Falsafah Akhlak.⁸⁹ ketiga-tiga pokok itu mengandungi maksud yang tertentu. Falsafah Tauhid (keesaan dan kekuasaan Allah) adalah yang meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Allah S.W.T. Dengan manusia dan hubungan manusia sesama manusia.⁹⁰

Falsafah Khalifah⁹¹ ialah falsafah yang menentukan peranan dan status manusia selaku khalifah di muka bumi ini yang bertanggungjawab sebagai pemegang amanah Allah S.W.T. untuk menjaga dan memeliharakannya. Allah S.W.T selaku pemilik segala harta perbendaharan di alam semesta ini. Seperti mana dalam firmanNya dalam kitab suci :

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِيْنَ اَسْتَوْا بِمَا عَمِلُوْا
وَيَجْزِيَ الَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا بِالْحَسَنٰى ﴿٣١﴾

Terjemahan : dan Allah jualah Yang memiliki Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi; (diciptakan semuanya itu) untuk membalas orang-orang Yang berbuat jahat menurut apa Yang mereka lakukan, dan membalas orang-orang Yang berbuat baik Dengan balasan Yang sebaik-baiknya.

Surah An-Najm 53:31

Falsafah Akhlak ialah peranan para Nabi dan Rasul yang diutuskan ke alam ini memainkan peranan dalam penyucian hubungan manusia dengan Allah S.W.T., manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, dan manusia dengan

⁸⁹Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Yusoff, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu pembangunan* (Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2003), 97.

⁹⁰Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur :Univision Press Sdn. Bhd, 2001), 8.

⁹¹ Khurhid Ahmad, *Economic Development in an Islamic Framework*. Dalam *Studies in Islamic Economics*, ed. Khurhid Ahmad (United Kingdom : Pusat penyelidikan ekonomi Islam Antara Bangsa, Universiti King Abdul Aziz, Jeddah dan Yayasan Islam, 1980), 178.

masyarakat dan negara.⁹²Sehubungan dengan itu, Islam juga menggalakkan dalam menghormati harta-harta yang milik orang lain dan melarang mencuri merompak harta orang lain, seperti firman Allah S.W.T :

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan : dan orang lelaki Yang mencuri dan orang perempuan Yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan Dengan sebab apa Yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Maidah 5:38

Berkaitan dengan falsafah akhlak ini, iaitu pembaziran juga di larang oleh Islam, kerana segala harta yang dimiliki oleh seseorang itu, hendaklah dibelanja secara pertengahan, tidak terlampau bakhil dan boros, sentiasa membelanja harta pada jalan Allah S.W.T . Seperti mana dalam firman Allah S.W.T :

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Terjemahan : Sesungguhnya orang-orang Yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk Yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Al-Isrā' 17:27

Menurut teori ekonomi komunis, konsep pembangunan ekonomi hanya dilihat sebagai sebahagian daripada konsep kebendaan. Apa-apa perancangan ekonomi oleh negara yang lari daripada fahaman di atas dianggap menyimpang

⁹²Joni Tamkin Bin Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," *Jurnal Usuluddin*, no. 27 (2008), 97.

daripada fahaman komunis dan dianggap sebagai borjuis. Sementara itu dalam sistem ekonomi Islam, adalah bersifat komprehensif dan bersepadu iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan dalam akhlak, kerohanian dan kebendaan.⁹³ yang berbeza dengan pembangunan sekular di mana mereka menganggap agama itu sebagai penghalang kepada pembangunan. Oleh yang demikian, agama itu perlu dipisahkan daripada semua urusan pembangunan. Agama dalam pandangan sekularis hanyalah merupakan urusan peribadi tidak ada kaitan dengan urusan negara dan masyarakat.⁹⁴

Menurut Islam tidak menetapkan kadar hak milik bagi seseorang, namun diberi kebebasan dalam pemilikan harta sebanyak mana mungkin tetapi dengan cara yang dibenar oleh Islam. Islam juga menggalakan mencari rizki dalam hal keadaan sentiasa mengingati dan syukur kepada nikmat Allah S.W.T seperti dalam firman Allah S.W.T

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ
وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٢﴾

Terjemahan : kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Surah Al-jumuah 62:10

⁹³*Ibid.*, 95.

⁹⁴Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Md. Yusof, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*. Skudai :Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 133.

Di samping itu, walau bagaimana pun, dalam mencari rezeki itu, pasti tidak ada penindasan memakan harta secara batil seperti berikut ;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Terjemahan : dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu Dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Surah al-Baqarah 2:188

Justeru itu, sistem ekonomi yang berdasarkan bertujuan membangun kesejahteraan ummah mengagihkan kesaksamaan dalam memiliki kekayaan. Keadilan adalah objektif utama dalam ekonomi Islam untuk mencapai keadilan ekonomi, ahli ekonomi Islam memberi pendapat bahawa sesuatu masyarakat mestilah mematuhi dua prinsip umum: kesamaan (*Equality*) dan kesaksamaan (*Fairness*) untuk melahirkan kesejahteraan yang berkesan.⁹⁵ Inilah keagungan Islam yang mengaturkan cara hidup umatnya secara adil bukan hanya dalam hal ibadat, namun pada semua aspek kehidupan.

2.9 HUBUNGKAIT PERBANKAN ISLAM DENGAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Pembangunan ekonomi ummah atau pembangunan ekonomi masyarakat, adalah perkara yang penting dalam suatu kehidupan. Diberierti juga dengan menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak kepada setiap rakyat. Penggangguran sifar bererti setiap rakyat mempunyai peluang hidup yang lebih baik pada zaman moden

⁹⁵Jomo K.S, *Alternatif Ekonomi Islam-Perspektif Kritis dan Haluan Baru* (Kuala Lumpur : Jomo K.S, Shamsudin Ismail (terj.) . Dewan Bahasa dan Pustaka, , Ikraq, 1992), 50.

ini, dan taraf kehidupan juga dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan penyediaan pelbagai infrastruktur asas. Pada ringkasnya, pembangunan ekonomi adalah menyediakan keperluan kehidupan fizikal yang asas untuk membolehkan seseorang individu dan masyarakat terus hidup serta dapat menyesuaikan kehidupan mereka yang lebih baik.⁹⁶

Menurut sejarah perkembangan sistem perbankan Islam dari awal sampai kini yang berkembang pesat, yang dapat berdiri teguh melalui krisis kewangan. Perbankan Islam mempunyai hubungkait rapat terhadap pembangunan ekonomi, oleh kerana tujuan dalam penubuhan perbankan Islam ialah mempunyai kewajipan dalam membangunkan ekonomi masyarakat dan juga menjadi sebagai tempat lindung dalam simpanan harta yang tidak berkaitan dengan perkara yang diharamkan seperti riba. Bank Islam juga memberi sumbangan dalam menyediakan pengagihan dana bagi mereka yang berpendapatan rendah supaya dapat peluang untuk mengurus perniagaan yang berterusan.

Hubung kait yang sangat jelas di wilayah Selatan Thailand di mana sistem perbankan Islam di Thailand yang dapat di lihat bahawa penubuhan *Islamic Bank of Thailand* yang menjadi perhatian masyarakat dalam pembangunan ekonomi yang selaras dengan prinsip Islam. Maka Islamic Bank of Thailand telah mengadakan satu bahagian khas yang dinamakan “*Fai Phattana Setthakit lae Sangkhum 5 Changwat Chaidan Tai*” (Pusat pembangunan ekonomi dan Sosial 5 wilayah Selatan Thailand) dalam bertanggungjawab khas dalam pembangunan ekonomi bagi penduduk akar umbi atau penduduk di peringkat bawahan dengan penawaran pembiayaan kepada penduduk yang kurang upaya dengan tanpa aset jaminan untuk mengakseskan pembiayaan.

⁹⁶Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Md. Yusof (2003), *op. cit.*, h. 186.

Maka dapat dibuat kesimpulan bahawa bank Islam mempunyai hubungkait yang rapat dari aspek objektif dalam penubuhan. Kerana objektif penubuhan yang telah disebut sebelumnya adalah berpandu dengan al-Qur'ān dan Sunnah, yang mana bank Islam adalah sistem perbankan yang berurusniaga atas dasar tanpa faedah (bunga) dan zakat juga turut diagihkan sebagai satu kewajipannya, ini dapat memberi peluang kepada mereka yang miskin dan kurang upaya sama dengan yang lain dalam masyarakat sejagat. Oleh itu, kesejahteraan dan kesaksamaan tanpa penindasan adalah diutamakan dalam sesuatu masyarakat.

2.10 Kesimpulan

Sistem perbankan Islam sangat memainkan peranan yang amat penting dalam ekonomi Islam, ia juga menjadi sebagai satu lambang atau simbol bagi keagungan sistem ekonomi Islam. Pembentukan sistem ini, berdasarkan adanya larangan dalam agama Islam, di mana bank Islam ditubuhkan semata-mata untuk menanggung kesejahteraan ummah seluruhnya. Maka dapat kita lihat perbezaan yang jelas diantara sistem ekonomi Islam atau pembangunan Islam dengan sistem ekonomi konvensional, di mana sistem sekular atau konvensional itu mereka hanya berpegang pada pemikiran manusia yang hanya untuk memenuhi nafsu yang tidak terhad di dunia sahaja, berlainan dengan sistem ekonomi Islam yang berdasar kepada prinsip "*al-Falāh*" yang menuju kepada kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat nanti.